

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

22. Sila nyatakan status terkini pengubahsuaian Taman Botani yang dirancangkan melalui Special Area Plan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Berdasarkan kepada Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Botani yang telah diwartakan pada 04 Julai 2019, 26 projek telah dikenalpasti untuk dilaksanakan. Senarai projek yang telah disenaraikan mengikut keutamaan beserta status kemajuan terkini di peringkat Fasa Pertama adalah seperti berikut:

- (a) Projek pembinaan parkir bertingkat/Kompleks Pusat Pelawat yang menempatkan tempat letak kereta bertingkat, gerai dan sebagainya.

Status terkini adalah di peringkat penyelarasan pelaksanaan di antara Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang dengan Jabatan Taman Botani. Pada masa yang sama Jabatan Taman Botani sedang dalam proses untuk mendapatkan anggaran harga daripada Jabatan Kerja Raya.

- (b) Projek pembinaan Menara Tinjau dan Dek Pemandangan.

Pihak Jabatan Botani telah mengemukakan permohonan peruntukan RMK-12 kepada pihak Jabatan Landskap Negara (JLN) bagi menampung kos projek. Pihak Jabatan Botani juga akan mengemukakan permohonan peruntukan negeri sebagai alternatif sekiranya permohonan kepada JLN tidak diluluskan.